



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

REVOLUSI PERTANIAN: PELUNCURAN PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BAGI PENANAMAN PADI LIMA (5) MUSIM DALAM TEMPOH DUA (2) TAHUN DI KAWASAN MUDA

KEDAH, 27 FEBRUARI 2025 – YAB Dato' Seri Diraja Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada hari ini melancarkan satu inisiatif reformasi sektor pertanian negara menerusi peluncuran Projek Pembangunan Infrastruktur bagi menyokong Program Penanaman Padi Lima (5) Musim dalam Tempoh Dua (2) Tahun di Kawasan Muda. Majlis peluncuran ini merupakan permulaan peralihan kepada pertanian pintar bagi meningkatkan pengeluaran padi dan memperkukuh jaminan bekalan makanan negara.

Projek ini akan meningkatkan kapasiti sistem pengairan dan saliran serta memperkukuh pengamalan teknologi pertanian moden melalui konsep Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*). Projek ini juga akan membolehkan pesawah di Kawasan Muda melaksanakan penanaman padi secara lebih intensif, meningkatkan produktiviti dan menambah pendapatan. Dengan penanaman padi lima musim dalam dua tahun, Kerajaan MADANI yakin bahawa inisiatif ini akan membawa perubahan besar dalam industri padi dan beras negara.

Reformasi ini bukan sekadar meningkatkan hasil padi, tetapi juga memperkukuh keupayaan pesawah untuk menjana pendapatan lebih tinggi dan menghadapi cabaran perubahan iklim. Melalui pembangunan dan penyelenggaraan 15 Blok Sistem Pengairan Tersier (Projek 1) dan Pembangunan Projek Pemulihan Menyeluruh Empangan Pedu (Projek 2) Fasa 1 yang melibatkan kos sekitar RM1 bilion, pesawah di Kawasan Muda mempunyai peluang dan ruang untuk mendepani cabaran untuk melangkah ke era baharu pertanian yang lebih cekap dan berdaya saing.

Pada majlis yang sama, penyerahan bantuan banjir Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) kepada 3,849 orang pesawah di Kawasan Muda melibatkan nilai bantuan sebanyak RM10.355 juta telah disempurnakan. STTP ini merupakan skim patuh syariah pertama di rantau Asia Tenggara yang menyediakan perlindungan tanaman padi dan telah diperkenalkan pada September 2024. Selain itu, YAB Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan sumbangan khas daripada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sejumlah RM30 juta. Sumbangan ini adalah kesinambungan daripada sumbangan yang dimulakan pada tahun 2022 untuk membantu pesawah.

Seterusnya, YAB Perdana Menteri juga telah melancarkan keluaran pertama (*first batch*) BPT di bawah Program Khas ini, dan boleh dibeli di reruai Jualan Agro MADANI pada hari ini. Semoga usaha ini menjadi permulaan yang baik kepada Program Khas BPT ini, seterusnya kepada industri padi dan beras negara.

Sebagai langkah kawalan dan pengesanan tambahan bagi memastikan BPT Khas ini sampai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana, Kerajaan melalui pasukan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Negara (MAREA) akan memperkenalkan penggunaan Sistem Kawalan dan Pengesanan Beras Digital (*RiceTag*) di setiap kampit BPT yang dikeluarkan oleh pemborong. Melalui kaedah baharu yang berteraskan kecerdasan buatan (*artificial intelligence – AI*) dan ciri keselamatan berdata yang terkini, Kerajaan yakin program yang berteraskan subsidi Kerajaan ini akan memberi manfaat maksimum kepada rakyat.

KPKM berharap melalui pelaksanaan projek ini, lebih ramai pesawah akan mendapat manfaat iaitu peningkatan hasil tuaian di samping memperkukuh kestabilan bekalan dan harga beras tempatan, memelihara kebajikan pesawah dan memperkukuh keterjaminan makanan negara dalam jangka masa panjang. Majlis peluncuran ini turut dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian, Kerajaan Negeri, Agensi berkaitan, persatuan pesawah, serta pemain industri.

KEMENTERIAN PERTANIAN KETERJAMINAN MAKANAN
27 FEBRUARI 2025